

Ruj : UKM KPD/262/2
Tarikh : 5 Disember 2016

Semua Pelajar
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

1. **PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2016-2017**
2. **PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan saudara/i dikehendaki membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 1 Sesi Akademik 2016-2017 secara atas talian di laman web SPPKE, www.ukm.my/sppke mulai **19 Disember 2016 hingga 1 Januari 2017** sebelum membuat pendaftaran awal Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017.

Seterusnya, saudara/i **diwajibkan** membuat pendaftaran awal kursus Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017 bermula **19 Disember 2016 hingga 1 Januari 2017** di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe. **Sebelum membuat pendaftaran sila rujuk terlebih dahulu penawaran kursus di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing.** Pendaftaran awal ini **penting** bagi perancangan PKP untuk semester hadapan.


Semua kursus yang telah didaftarkan semasa pendaftaran awal dianggap akan diambil oleh pelajar melainkan pelajar menggugurkan atau menarik diri kursus semasa tempoh gugur kursus atau tarik diri kursus. Adalah diingatkan semula bahawa pelajar yang menggugurkan kursus atau menarik diri kursus pada semester hadapan **akan dikenakan denda** seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini. Pastikan hanya kursus yang benar-benar ingin diikuti sahaja didaftarkan.

Kegagalan saudara/i berbuat demikian akan menyulitkan penyerahan bahan bacaan (untuk pelajar yang berkenaan sahaja). Keutamaan diberikan kepada pelajar yang membuat pendaftaran awal secara atas talian.

Sebarang kesulitan sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3375/3769/3887. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,


PROF DR NOR HAMIDI MUHAMAD
Pengarah

- s.k.
- Ketua Jaminan Kualiti, PKP
 - Penyelaras Program, PKP
 - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN
Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>